

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755 Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor


Tel : 07-772 2946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami: PPDKLG.600-11771 Jld 2 ()

Tarikh: 14 Februari 2025

Pengetua dan Guru Besar
Sekolah-sekolah Daerah Kluang
Seperti senarai edaran

Tuan,



**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN SEMPENA PROGRAM KEMPEN LEBIHKAN
MAKAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN TEMPATAN PERINGKAT DAERAH
KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor dengan kerjasama Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan mengadakan Program Kempen Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan peringkat daerah Kluang yang bertujuan untuk memberi galakan serta kesedaran khasiat pemakanan buah-buahan, sayur-sayuran serta ulam-ulaman di kalangan murid sekolah. Program ini akan dilaksanakan sepertimana ketetapan yang berikut:

Tarikh : 26 Februari 2025 (Rabu)
Masa : 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Tempat : SMK Tengku Aris Bendahara

3. Sehubungan dengan itu, sekolah tuan dijemput untuk menyertai pertandingan yang dipertandingkan sempena penganjuran program tersebut. Setiap sekolah perlu mendaftar nama peserta mengikut acara yang ditetapkan pada pautan yang disediakan **selewat-lewatnya 21 Februari 2025**. Pihak sekolah bertanggungjawab terhadap keselamatan, kesihatan dan kebajikan murid sepanjang program ini berlangsung. Pastikan pelibatan murid mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga. Bersama-sama ini dilampirkan maklumat dan syarat penyertaan setiap pertandingan yang dianjurkan.



QR Pendaftaran Peserta

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Encik Hairul Azuan bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103. Kerjasama tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

PPDKLG.600-11/1/1Jld.2 (61)


**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN SEMPENA PROGRAM KEMPEN LEBIHKAN
MAKAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN TEMPATAN PERINGKAT DAERAH
KLUANG TAHUN 2025**

"SYNERGY IN EXECUTION : CONQUER THE CHALLENGE"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah.



(ZAINUDDIN BIN MD. RAMLAN)

Timbalan PPD Pembangunan Murid
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang
Sk : Fail

PPDKLG.600-11/1/1Jld.2 ()

**JEMPUTAN MENYERTAI PERTANDINGAN SEMPENA PROGRAM KEMPEN LEBIHKAN
MAKAN BUAH-BUAHAN DAN SAYUR-SAYURAN TEMPATAN PERINGKAT DAERAH
KLUANG TAHUN 2025**

Senarai Edaran:

Sekolah Menengah

1. SMK Tengku Aris Bendahara
2. SMK Sultan Abdul Jalil
3. SMK Seri Perdana
4. SMK Tinggi Kluang
5. SMK Jalan Kota Tinggi
6. SMK Bandar T6
7. SMK Seri Sembrong

Sekolah rendah

1. SK Batu 3
2. SK Dato Syed Zain Alshahab
3. SK Seri Kg Tengah
4. SK Kampong Melayu
5. SK Abdul Rahman Yassin
6. SK Bandar T6
7. SK LKTP Ulu Dengar
8. SK Felde Kahang Barat
9. SK Felde Kahang Timur
10. SK Tunku Mahmood 1
11. SK Tunku Mahmood 2
12. SK (P) Bandar
13. SK (L) Bandar
14. SK Bukit Tongkat
15. SK LKTP Belitong

CADANGAN PELAKSANAAN PROGRAM

Tarikh : 26 hb Februari 2025 (Rabu)
Masa : 8.00 pagi – 12.00 tengahari
(11.00 pagi Majlis Perasmian)
Tempat : SMK Tengku Aris Bendahara, Kluang
Tajuk Program : Program Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan & Sayur-Sayuran Tempatan Peringkat Sekolah

CADANGAN AKTIVITI DAN KAEDAH PELAKSANAAN

- Taklimat & Kuiz Pemakanan Sihat oleh Jabatan Kesihatan Malaysia
- Kempen/Ujirasa Lebihkan Makan Buah-buahan
- Pameran/Dekorasi Buah-buahan & Sayur-sayuran Tempatan
- Pameran Jabatan dan Agensi
- Jualan Buah-Buahan & Produk Agromas
- **Pertandingan Kategori Sekolah Menengah :**
 1. Pertandingan Mencipta Jus Buah-buahan & Ulam-ulaman
 - ↳ 5 Kumpulan akan bertanding ; setiap kumpulan diwakili 2 orang peserta
 - ↳ Peralatan dan bahan seperti pengisar jus, pisau, papan pemotong, apron, sudu plastik, susu penuh krim dan ais akan disediakan untuk setiap kumpulan
 - ↳ Peserta dibenarkan membawa peralatan sendiri mengikut kesesuaian seperti gelas, dulang, bunga hiasan dan sebagainya
 - ↳ Buah-buahan dan ulam-ulaman akan diberikan sebelum pertandingan bermula. Peserta boleh memilih buah-buahan dan ulam-ulaman yang disediakan mengikut kreativiti resepi jus masing-masing
 - ↳ Tempoh masa yang diberikan adalah 30 minit

2. Pertandingan Menggubah Hamper Buah-buahan & Sayur- sayuran Tempatan

- ↓ 5 Kumpulan akan bertanding; setiap kumpulan diwakili 2 orang peserta
- ↓ Peralatan seperti lidi sate, getah, pita pelekat, gunting dan *cable tie* akan disediakan untuk setiap kumpulan
- ↓ Peserta dibenarkan membawa peralatan hiasan sendiri mengikut kesesuaian.
- ↓ Buah-buahan dan sayur-sayuran akan diberikan sebelum pertandingan bermula. Peserta perlu menggubah hamper mengikut kreativiti masing-masing
- ↓ Tempoh masa yang diberikan bagi pertandingan ini adalah 1 jam

3. Pertandingan Makan Buah-buahan Tempatan

- ↓ 5 Kumpulan akan bertanding ; setiap kumpulan diwakili 2 orang peserta
- ↓ Buah-buahan akan disediakan kepada setiap kumpulan dan peserta perlu menghabiskan buah- buahan tersebut.
- ↓ Pemenang akan dipilih berdasarkan kumpulan yang paling cepat menyelesaikan aktiviti ini

▪ **Pertandingan Kategori Sekolah Rendah :**

1. Pertandingan Puzzle Buah- buahan & Sayur- sayuran

- ↓ 5 Kumpulan akan bertanding ; setiap kumpulan diwakili 2 orang peserta
- ↓ Setiap kumpulan akan diberikan 2 jenis *puzzle* iaitu *puzzle* buah- buahan dan *puzzle* sayur-sayuran
- ↓ Tempoh masa maksimum yang diberikan bagi pertandingan ini adalah 30 minit
- ↓ Pemenang akan dipilih berdasarkan kumpulan yang paling cepat menyelesaikan aktiviti ini

2. Pertandingan Dam Ulat

- ↓ 5 Kumpulan akan bertanding; setiap kumpulan diwakili 2 orang peserta
- ↓ Seorang peserta akan membaling dadu untuk menentukan giliran bergerak di papan dam ulat, manakala seorang lagi peserta akan bergerak mengikut angka dadu
- ↓ Peserta akan bergerak mengikut tapak pada papan dam ulat bergantung pada angka dadu yang diperoleh.
- ↓ Tempoh masa maksimum yang diberikan bagi pertandingan ini adalah 30 minit
- ↓ Peserta yang dapat menamatkan pergerakan dikira sebagai pemenang pertama dan pemenang seterusnya ditentukan bergantung kepada kedudukan angka teratas apabila wisel tamat dibunyikan.

3. Pertandingan Makan Buah-buahan Tempatan

- ↓ 5 Kumpulan akan bertanding ; setiap kumpulan diwakili 2 orang peserta
- ↓ Buah-buahan akan disediakan kepada setiap kumpulan dan peserta perlu menghabiskan buah- buahan tersebut.
- ↓ Pemenang akan dipilih berdasarkan kumpulan yang paling cepat menyelesaikan aktiviti ini

Syarat Umum Bagi Setiap Pertandingan :

- ✓ 5 Kumpulan akan bertanding bagi setiap pertandingan
- ✓ 1 jenis pertandingan diwakili 2 orang pelajar
- ✓ Setiap pelajar hanya dibenarkan menyertai 1 pertandingan sahaja

Cadangan Pecahan Penglibatan Pelajar:

Bil	Aktiviti	Jumlah Pelajar
1	Taklimat Pemakanan Sihat oleh Pegawai Jabatan Kesihatan (Sekolah Menengah & Sekolah Rendah)	300 orang (60 orang pelajar yang menyertai pertandingan turut dijemput mendengar taklimat kesihatan)
Sekolah Menengah		
1	Pertandingan Mencipta Jus Buah-buahan & Ulam-ulaman	10 orang (5 kumpulan x 2 orang)
2	Pertandingan Menggubah Hamper Buah-buahan & Sayur- sayuran Tempatan	10 orang (5 kumpulan x 2 orang)
3	Pertandingan Makan Buah-buahan Tempatan	10 orang (5 kumpulan x 2 orang)
Sekolah Rendah		
1	Pertandingan Puzzle Buah- buahan & Sayur- sayuran	10 orang (5 kumpulan x 2 orang)
2	Pertandingan Dam Ulat	10 orang (5 kumpulan x 2 orang)
3	Pertandingan Makan Buah-buahan Tempatan	10 orang (5 kumpulan x 2 orang)
JUMLAH		300 Orang

**ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN KEMPEN LEBIHKAN MAKAN BUAH- BUAHAN
& SAYUR- SAYURAN TEMPATAN TAHUN 2025 PERINGKAT SEKOLAH**

Tarikh : 26 hb Februari 2025 (Rabu)
Masa : 11.00 pagi
Tempat : Dewan SMK Tengku Aris Bendahara, Kluang

10.45 pagi : Ketibaan Tetamu Jemputan

11.00 pagi : Ketibaan

Yang Berhormat Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah

ADUN Mahkota

: Nyanyian Lagu

Bangsa Johor

Negaraku

: Bacaan Doa

: Ucapan Perasmian oleh

Yang Berhormat Tuan Syed Hussien bin Syed Abdullah

ADUN Mahkota

: Gimik Perlancaran

: Penyampaian Hadiah Pemenang Pertandingan

: Ujirasa Buah- buahan Tempatan

12.00 tengahari : Bersurai

